



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 13 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN TUBUH JAWATNKUASA BERSAMA STABILKAN HARGA BAJA, RACUN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI CARI JALAN ELAK HARGA MAKANAN TERNAKAN NAIK, SH -ONLINE	
3.	ISU HARGA AYAM MELAMBUNG BAKAL SELESAI, UM -ONLINE	
4.	MAFI RANCANG TANAM JAGUNG BERSKALA BESAR, BENDUNG KENAIKAN HARGA MAKANAN TERNAKAN – ZAWAWI, BERNAMA -ONLINE	
5.	KERAJAAN PERTIMBANG IMPORT AYAM, BH -ONLINE	
6.	KPDNHEP JAMIN ISU HARGA, BEKALAN AYAM SELESAI DUA MINGGU, BERNAMA -ONLINE	
7.	KPDNHEP TAMBAH IMPORT BEKALAN DAGING AYAM, UM -ONLINE	
8.	HARGA AYAM DIJANGKA TURUN SELEPAS SEMPADAN DIBUKA, KOSMO -ONLINE	
9.	HELP BRING FISHERMEN OUT OF POVERTY, SAYS LKIM, NEW SARWAK TRIBUNE -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	FARMERS MARKET BY THE LAKE, THE STAR -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	PENGUMUMAN KERJASAMA ANTARA BLACK G NUTRIMA DAN DYNAS MOKHTAR BERSAMA SHOPEE, CIKLILYPUTIH.COM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Kerajaan tubuh jawatankuasa bersama stabilkan harga baja, racun



Gambar dari kiri: Alexander Nanta Linggi, Ronald Kiandee

PUTRAJAYA - Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menubuhkan jawatankuasa bersama bagi menangani isu kenaikan harga baja dan racun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam kenyataan bersama menjelaskan, ia adalah sebahagian usaha bersepadu untuk meneliti cadangan tindakan dan kaedah penyelesaian bagi masalah itu.

Menurut kenyataan itu, jawatankuasa berkenaan akan mengenal pasti langkah-langkah lain dalam membantu petani dan pengusaha kecil yang berhadapan dengan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak.

“Mesyuarat jawatankuasa bersama tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan wakil pemain-pemain industri.

“Ia termasuklah Persatuan Pemeliharaan Tanaman dan Kesihatan Awam Malaysia (MCPA), Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur-Sayuran Malaysia dan Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia (MFFA) pada 10 November lalu.

“MAFI dan KPDNHEP memandang serius isu kenaikan harga baja dan racun yang berlaku sejak pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menjelaskan, baja dan racun makhluk perosak merupakan input pertanian dan komponen penting dalam pengeluaran hasil tanaman yang berkualiti dan selamat dimakan oleh penduduk Malaysia.

Kata kenyataan itu, kebanyakan baja dan racun yang digunakan oleh petani dihasilkan daripada bahan mentah yang diimport daripada negara luar seperti unsur nitrogen, fosfat (phosphate) dan kalium (potassium).

“Berdasarkan perbincangan dan sesi libat urus yang diadakan dengan pihak berkepentingan dan pemain industri, antara punca yang telah dikenal pasti berhubung isu ini adalah perubahan polisi daripada negara pengeksport, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik serta spekulasi pasaran.

“Apabila bekalan baja dan racun berkurangan di pasaran dengan permintaan sentiasa berterusan daripada petani, maka peningkatan harga berlaku di sepanjang rantaian pembekalan produk tersebut.

“Beberapa cadangan penyelesaian telah dikenal pasti dan diangkat oleh MAFI dan KPDNHEP secara bersama dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada Jumaat supaya isu ini dapat ditangani secara menyeluruh dan holistik, di samping membantu golongan yang terjejas,” katanya.

Tambahnya, MAFI dan KPDNHEP sentiasa peka dengan kenaikan harga baja dan racun bagi memastikan produktiviti pengeluaran tidak terjejas serta bekalan sentiasa mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI cari jalan elak harga makanan ternakan naik



Nik Muhammad Zawawi (dua dari kiri) menyampaikan 'one-off' kepada pemandu kereta sewa di Pejabat Kereta Sewa Taman Mahkota, Pasir Puteh pada Sabtu.

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah mengenalpasti langkah-langkah pemulihan bagi mengelakkan kenaikan harga makanan haiwan ternakan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, antaranya dengan memberi peruntukan bagi mengelakkan kesan negatif kepada para penternak.

"Kerajaan juga sedang berusaha mewujudkan tanaman jagung untuk dijadikan sebagai makanan ternakan bagi mengatasi masalah ini," katanya ketika ditemui pada majlis ramah mesra dan penyampaian sekali kepada pemandu kereta sewa di Pejabat Kereta Sewa Taman Mahkota, di sini pada Sabtu.

Hadir sama Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Menurutnya, MAFI bercadang mewujudkan kilang-kilang memproses makanan ternakan menerusi jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain termasuklah swasta.

Ujar beliau, sekiranya semua itu berjalan lancar harga makanan ternakan di negara ini akan turun dan stabil.

Nik Muhammad Zawawi berkata, situasi itu akan memberi kesan dengan berlakunya penurunan harga ayam dan daging di pasaran.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, kenaikan harga makanan ternakan disebabkan oleh penularan pandemik Covid-19 di seluruh dunia ketika ini.

"Hal ini kerana, negara-negara pengeluar utama makanan haiwan ternakan dunia tidak dapat berbuat demikian (mengeluarkan makanan haiwan) akibat serangan pandemik.

"Saya berharap pemain industri (ternakan) ini tidak mudah putus asa, sebaliknya kekal fokus. Insya-ALLAH kerajaan sentiasa memikirkan alternatif terbaik bagi memastikan harga bekalan sentiasa mencukupi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Isu harga ayam melambung bakal selesai



NIK Muhammad Zawawi Salleh (dua dari kanan) menyampaikan bantuan one-off dan Prihatin MAFI kepada salah seorang pemandu teksi di Pasir Puteh, hari ini. - UTUSAN/TOREK SULONG

PASIR PUTEH: Isu kenaikan harga ayam proses yang melambung tinggi dijangka dapat diselesaikan apabila pintu sempadan negara dibuka dalam tempoh terdekat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kenaikan harga

ayam itu berpunca daripada kenaikan mencanak harga dedak.

Kedua itu, katanya, kian memburuk akibat kebergantungan negara kepada bijian jagung dari negara pengeluar sehingga produktiviti merosot, peningkatan kos pengangkutan dan dasar tutup pintu sempadan.

“Harga ayam akan turun pada kadar lebih murah apabila kemasukan bahan mentah berjalan lancar selepas sempadan beberapa negara pengeluar turut dibuka tidak lama lagi.

“Kerajaan meneliti perkembangan ini dan telah mengambil langkah drastik. Kita minta pengusaha dan penternak ayam terus bertahan untuk memastikan bekalan mencukupi bagi memenuhi keperluan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan one-off dan Mafi Prihatin kepada 70 pemandu teksi di Stesen Teksi Tok Janggut di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail dan Pengarah Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Mengulas lanjut, Wan Muhammad Zawawi berkata, lonjakan harga ayam proses ketika ini turut berlaku di seluruh dunia, disebabkan pandemik Covid-19 selain krisis kejatuhan nilai mata wang di kebanyakan negara.

Kata Ahli Parlimen Pasir Puteh itu, setakat ini, kerajaan juga menyalurkan peruntukan bantuan kepada penternak bagi meringankan kos tanggungan makanan ternakan.

“Selain itu kerajaan menerusi agensi pertanian berusaha membangunkan penanaman jagung berskala besar bagi mengurangkan kebergantungan import bahan mentah itu dalam penghasilan dedak.

“Kilang memproses makanan ternakan juga akan dibangunkan menerusi agensi pertanian atau secara usaha sama dengan pihak swasta dalam tempoh terdekat,” katanya. -UTUSAN ONLINE



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAFI rancang tanam jagung berskala besar, bendung kenaikan harga makanan ternakan - Zawawi



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (kanan) beramah mesra dengan salah seorang penerima bantuan, Ismail Mohamad, 60, pada majlis ramah mesra dan penyampaian one-off kepada pemandu kereta sewa Parlimen Pasir Puteh di pekarangan kereta sewa dan bas Tok Janggut di sini hari ini.

PASIR PUTEH, 13 Nov – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengenal pasti beberapa langkah dalam usaha membendung kenaikan harga makanan haiwan ternakan di negara ini, termasuk dengan mengusahakan tanaman jagung secara berskala besar.

Timbalan Menteri MAFI Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata selain itu ialah memberi peruntukan khas kepada para penternak.

"Kerajaan akan berusaha menanam tanaman jagung untuk menghasilkan bekalan makanan ternakan dengan penanaman berskala besar. Selain itu, kerajaan juga akan membina kilang bagi memproses bekalan makanan sendiri menerusi kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan secara 'one-off' dan bakul makanan kepada 70 pemandu kereta sewa di Pejabat Kereta Sewa Taman Mahkota, di sini, hari ini.

Turut hadi Pengerusi Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Katanya, sekiranya semua rancangan itu berjalan lancar ia akan memberi kesan terhadap harga ayam di pasaran yang disifatkan tidak munasabah ketika ini dan dikhuatiri membebankan rakyat.

Baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata paras harga ayam secara umumnya dipengaruhi banyak faktor termasuk kos input termasuk khususnya komponen makanan yang diimport seperti kacang soya dan jagung yang turut dipengaruhi kadar pertukaran asing serta harga pasaran dunia.

Selain itu, katanya harga ayam di pasaran turut dipengaruhi permintaan dan penawaran dalam keadaan sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan telah dibuka.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Kerajaan pertimbang import ayam



isu kenaikan harga ternakan itu.

LANGKAWI: Kerajaan sedia mempertimbang kebenaran mengimport daging ayam bagi menangani isu kenaikan harga ternakan itu berikutan kekurangan bekalannya di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu antara pilihan dikaji kerajaan untuk menyelesaikan

"Kita berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) minggu lalu dan dijangka isu ini dapat diselesaikan dalam tempoh satu atau dua minggu lagi.

"Pada mesyuarat itu, MAFI akan berusaha menyelesaikan masalah harga ayam dan isu bekalan," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu beliau merasmikan Karnival Jualan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Peringkat Kebangsaan 2021 di Dataran Chenang.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Datuk Juhari Bulat; Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Wan Romani Wan Salim dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Sebelum ini, terdapat laporan berkaitan kenaikan mendadak harga ayam di seluruh negara dengan harga ayam proses kini dijual melebihi RM9 sekilogram.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

## KPDNHEP jamin isu harga, bekalan ayam selesai dua minggu



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid melawat pameran selepas majlis perasmian Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat Kebangsaan 2021 di Dataran Chenang di sini hari ini.

LANGKAWI, 13 Nov -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan isu kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam di pasaran akan diselesaikan dalam tempoh dua minggu akan datang.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Rosol Wahid berkata kementerianya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan mesyuarat minggu lepas, bagi mencari penyelesaian berhubung isu itu yang dikatakan berlaku di beberapa kawasan.

Menurutnya antara penyelesaian yang dibincangkan termasuk untuk mengimport bekalan ayam dari luar negara, bagi mengatasi kekurangan bekalan di pasaran tempatan selain menstabilkan harganya.

"Sekarang ini masalah bukan sahaja harga mahal, tapi saya difahamkan contohnya di negeri saya di Terengganu banyak kedai tiada bekalan ayam. Kita prihatin dengan masalah ini, jadi kementerian kita bersama MAFI akan mengatasi masalah ini," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat kebangsaan 2021 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai isu kenaikan harga ayam yang dilaporkan berlaku terutama di bandar-bandar besar dan langkah kementerian mengatasi masalah itu.

Mengulas mengenai isu bekalan minyak masak pekot bersubsidi pula, Rosol berkata pihaknya mengakui terdapat kekurangan bekalan di pasaran disebabkan oleh pihak pembekal tidak dapat mengeluarkan minyak, ekoran tidak mendapat bayaran daripada kerajaan.

Menurutnya, pihak pengeluar minyak masak atau pembekal yang mengeluarkan minyak masak bergantung kepada bayaran itu sebagai modal pusingan, untuk terus mengeluarkan minyak masak berpeket.

"Kita akan cari penyelesaian dengan pihak Kementerian Kewangan (MOF) untuk melunaskan bayaran kepada pengeluar minyak masak ini, berkaitan subsidi minyak masak ini MOF akan menyalurkan dana kepada kita dan kita pula salurkan kepada pembekal," katanya.

Sementara itu, Rosol berkata KPDNHEP telah melanjutkan tempoh sehingga Rabu ini bagi pemilik sebuah restoran di sini yang menjual hidangan siakap berharga RM1,196, untuk memberikan penjelasan kepada kementerian mengenai harga makanan yang dijual di situ.

Menurut, pemilik restoran itu sebelum ini diberikan notis dan perlu menjelaskan harga makanan yang ditawarkan pada Khamis lalu, namun dikatakan tidak memberikan secara terperinci maklumat yang dikehendaki kepada penguatkuasa kementerian.

"Mereka sudah bagi kepada kita sebelum ini tetapi mereka bagi harga secara keseluruhan, oleh itu kita bagi tempoh sehingga Rabu ini untuk mereka berikan maklumat harga upah masak berapa, harga ikan berapa, secara detail," katanya.

Pada 6 Nov lalu, tular di media sosial gambar resit harga makanan terutama hidangan ikan siakap seberat 7.48 kilogram berharga RM1,196, sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan orang ramai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## KPDNHEP tambah import bekalan daging ayam



ROSOL Wahid (tengah) diberi penerangan mengenai produk yang dipamerkan oleh seorang peniaga yang menyertai Karnival Jualan Beli Barangan Malaysia sempena perasmian Kempen Beli Barangan Malaysia di Langkawi hari ini. - UTUSAN/NUR AMALINA AZMAN

LANGKAWI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mempertimbangkan untuk menambah

import bekalan daging ayam bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan di pasaran seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu adalah antara pilihan yang akan dipertimbangkan bagi menyelesaikan masalah tersebut sehingga berlaku kenaikan harga ayam.

“Kami telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) minggu lalu dan dijangka isu ini dapat diselesaikan dalam tempoh satu atau dua minggu.

“Saya pun hadir dalam mesyuarat itu. MAFI kata akan selesai masalah harga ayam dan isu keberadaan (dalam pasaran),” katanya selepas merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Peringkat Kebangsaan 2021 di Dataran Chenang di sini hari ini.

Beliau memberitahu, KPDNHEP menerima aduan daripada pengguna di Terengganu mengenai kekurangan bekalan ayam di samping harganya turut meningkat.

Tambahnya, beberapa pengusaha restoran didapati terpaksa menutup sementara operasi kerana mengalami kesukaran untuk mendapat bekalan ayam.

Harga ayam proses kini dijual melebihi RM9 sekilogram, menjadi kenaikan mendadak harga ayam melebihi RM1 sekilogram. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	KOSMO	ONLINE	

## Harga ayam dijangka turun selepas sempadan dibuka



PASIR PUTEH – Harga ayam proses dijangka turun apabila kemasukan bahan mentah berjalan lancar selepas sempadan beberapa negara pengeluar dibuka tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kebanyakan penternak ayam di negara ini bergantung kepada bahan mentah iaitu bijian jagung yang dihasilkan dari negara luar.

Menurutnya, ekoran sempadan negara masih ditutup, kemasukan bahan mentah

dan pengangkutan sukar untuk masuk membawa barangan keperluan untuk ayam-ayam yang ditenak.

“Kita jangkakan harga ayam akan turun apabila kemasukan bahan mentah berjalan lancar selepas sempadan negara pengeluar turut dibuka tidak lama lagi.

“Kerajaan meneliti perkembangan ini dan telah mengambil langkah drastik. Kita minta pengusaha dan penternak ayam terus bertahan untuk memasti bekalan makanan ayam mencukupi bagi keperluan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin kepada 70 pemandu teksi di Stesen Teksi Tok Janggut di sini hari ini. -K! ONLINE



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2021	NEW SARAWAK TRIBUNE	ONLINE	

## Help bring fishermen out of poverty, says LKIM



**SAMARAHAN:** More needs to be done to improve the economic well-being of the fishing community.

Malaysia Fisheries Development Authority (LKIM) chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal who made the call reminded its officers that they had been entrusted with taking care of the welfare of fishermen.

“Aside from being responsible for ensuring sufficient protein supply in the country, we are responsible for developing the industry as well as fishermen’s livelihood.

“We, as officers, should be the facilitators, we have to work together with industry players, especially the private companies, to build the industry together with the fishermen’s associations.

“In this way, we will be able to increase the income of fishermen and eventually bring them out of poverty,” he added.

He said this during the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) assistance programme at LKIM Tanjung Bako Fisheries Port on Saturday (Nov 13).

According to him, on average, most fishermen are still struggling and living in run down houses.

“Hence, the government provides an allocation of RM300 monthly to each fisherman because they do not have a fixed income. On top of that, their source of income is not certain as it depends on the season and weather.

“With the financial aid provided, it is hoped that fishermen will be able to put food on their table,” he said.

In addition, Syed Abu disclosed that the government also provides housing assistance to those whose homes are in very poor condition.

“The allocation under this assistance provides for building of new houses or repairing the houses. In Sarawak, we currently have two resettlement projects where the government will completely build the housing areas and house fishermen who are eligible,” he added.

Meanwhile, he presented ‘Bantuan MAFI Prihatin’ to fishermen in Sarawak along with a RM378,000 cheque for a cash crop programme to the State Fishermen’s Association chairman Jam Hajimi.

13 NOV, 2021

## Farmers market by the lake

The Star, Malaysia

Page 1 of 2

# Farmers market by the lake

## Selangor council hopes bimonthly event will draw more visitors to Taman Tasik Cyberjaya

By VIJENTHI NAIR  
vijenthil@thestar.com.my

SEPANG Municipal Council (MPSepang) is attracting locals to Taman Tasik Cyberjaya with a bimonthly farmers market, every second and fourth Saturday of the month.

MPSepang president Datuk Abd Hamid Hussain said the initiative was a collaboration between the local council, state government and Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

"Besides purchasing from regular market traders, visitors will be able to buy directly from farmers, breeders and fishermen at stalls set up near the lakeside.

"The park is a popular spot for recreational activities on the weekend.

"The farmers market will also ease crowds at morning markets," he said at its launch.

Also present were state modernisation and agro-based industry committee chairman Izhom

Husain and Selangor Fama director Alida Abdul Rashid.

Abd Hamid said since the municipality was big, he was open to suggestions for more farmers markets in other areas.

The farmers market at the park is the first in Cyberjaya and the ninth in areas under MPSepang's jurisdiction.

Izhom said the state's collaboration was part of the Selangor Agro Market (SAM) programme with Fama that started in 2019.

It was reported earlier that the state planned to set up 100 such markets under the SAM programme.

Izhom said to date, there were 31 markets involving 465 entrepreneurs.

Markets under the SAM programme, he said, were different from regular farmers markets.

"The traders are also the producers and can sell directly at these sites," he added.

Another recent addition to the park is The Lake Library Cafe.



Visitors to Taman Tasik Cyberjaya can shop for local produce at the farmers market there, which is held on the second and fourth Saturday of the month.

The library was relocated from MPSepang headquarters in Cyber 1 to the MPSepang Auditorium by the lakeside on Dec 10, 2019.

Abd Hamid said the idea was to have a modern library with wi-fi and a cafe next door.

Due to the Covid-19 standard operating procedure, visitors to the library need to make an appointment via The Lake Library Cafe Facebook page.

The library will be open from Monday to Friday from 8.30am to 4.30pm, Saturday from 8am to 12.30pm, and is closed on Sunday.

"Only 13 people are allowed into the premises at one time.

"As such, we have to limit visits to a maximum of two hours.

"There are about 2,200 books of various genres available," said Abd Hamid, hoping more people would use the facility.



The Lake Library Cafe at Taman Tasik Cyberjaya is open by appointment.





13 NOV, 2021

## Farmers market by the lake

[The Star, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Selangor council hopes bimonthly event will draw more visitors to Taman Tasik Cyberjaya

SELANGOR Municipal Council (MPSelangor) is attracting locals to Taman Tasik Cyberjaya with a bimonthly farmers market, every second and fourth Saturday of the month. MPSelangor president Datuk Abd Hamid Hussain said the initiative was a collaboration between the local council, state government and Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2021	CIKLILYPUTH.COM	ONLINE	

## Pengumuman Kerjasama Antara Black G Nutrima dan Dynas Mokhtar Bersama Shopee

Hi Korang,

Black Ginger ataupun lebih di kenali dengan nama Kunyit Hitam ini agak terkenal di kalangan masyarakat melayu sebagai salah satu bahan kesihatan di dalam perubatan melayu dan kini Black G ini mula mendapat tempat di hati kalangan rakyat Malaysia tidak mengira apa jua bangsa sekalipun.



Satu pengumuman kerjasama antara Black G Nutrima dan Dynas Mokhtar bersama Shopee pada 11.11.2021. Majlis ringkas ini dihadiri CEO Black G, wakil dari pihak Mardi dan Shopee serta para media.

Menurut CEO Black G, Tuan Mohd Yusof, pihaknya telah berkolaborasi dalam pengeluaran produk berasaskan kunyit hitam dengan pihak Mardi lebih dari 2 tahun. Manakala pihak Mardi sendiri yang telah memulakan penyelidikan tentang kunyit hitam sudah memakan masa bertahun-tahun lamanya. Penyelidikan telah diketuai oleh Dr. Zuraida Abdul Rahman saintis kanan dari pusat bioteknologi dan nanoteknologi MARDI.



*Produk kami dirumuskan melalui proses penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang meluas oleh saintis dan profesional yang diprakui untuk memastikan keselamatannya dari formulasi hingga tahap dos.*

Apa yang menarik, produk dikeluarkan oleh Black G adalah selamat digunakan. Ini kerana penyelidikan saintifik telah dilakukan dengan mengambil kira kadar keperluan Methoxyflavone dalam setiap produk yang dikeluarkan. Ini bagi mengelakkan kesan sampingan dan toksik ke atas badan pengguna.

Untuk pengetahuan semua, Black G atau kunyit hitam ini mengandungi ramuan aktif seperti Methoxyflavone yang secara saintifik dapat mengatasi masalah-masalah kronik khususnya bagi mereka yang berumur 41 tahun keatas.

Bukan itu sahaja , bahkan ramuan kunyit hitam ini juga mempunyai khasiat hebat untuk kesihatan dan juga dapat memelihara kecantikan luaran serta dalaman. Black G telah pun perolehi kelulusan daripada KKM dan mendapat pensijilan Halal dari Jakim. Jadi, kita boleh gunakannya tanpa was-was dan ragu-ragu.



Di antara kelebihan kunyit hitam ini iaitu :

1. Sebagai penambah tenaga dan tonik umum
2. Melegakan penyakit ulu hati/radang perut
3. Membantu mengatasi kepenatan dan masalah otot
4. Mengurangkan masalah keradangan
5. Meningkatkan kualiti hubungan
6. Membantu mengurangkan alahan/alergi serta penyakit melibatkan alahan
7. Melancarkan peredaran darah periferai
8. Memperkuat saluran darah
9. Melegakan tanda-tanda oedema
10. Menstabilkan bacaan darah tinggi dalam darah
11. Mengawal kadar gula dalam darah atau anti-diabetik

Antara produk Black G yang ada di pasaran seperti Black Ginger 100mg Capsule, Black Ginger Plus Liquid, Ener-G Plus, Black G Coffee Original dan Black G Soap & Scrub. Akan datang Hi Pro Plus+ Black Ginger bakap diperkenalkan di pasaran.



Di majlis ini turut diadakan tandatangan perjanjian antara Dynas dan Black G dalam usahasama untuk membawa produk Black G ke peringkat yang lebih jauh lagi. Banyak perancangan telah dilakukan bagi memperkenalkan kebaikan produk yang berasaskan kunyit hitam agar manfaatnya dapat dikongsi dengan semua lapisan masyarakat.

Dynas berminat menjadi rakan usahasama setelah menjadi pengguna dan melihat sendiri kebaikan yang dialami di kalangan kenalan rapatnya setelah mengamalkan

Black G. Atas keyakinan tentang manfaat produk dari formulasi kunyit hitam ini, Dynas dengan berbesar hati ingin bersama-sama merancang dan berkongsi Black G dengan ramai orang lagi.



*Dari segi kerjasama dengan syarikat Black G Sdn Bhd pula, idea tercetus kerana saya dan Mughniy atau Mune pernah bekerjasama pada 2016 menerusi perniagaan Restoran Eat With Mune. Kekerjasama yang wujud antara kami mendorong kepada usaha melebarkan perniagaan dalam produk ini pula.*

*Bukan sekadar mewakili jenama produk, tetapi saya sebagai rakan kongsi atau rakan perniagaan sekaligus kami dapat berkongsi idea dalam memberikan cadangan untuk*

*pemasaran dan penjualan.*

Sementara itu, Mughniy berkata, menerusi produk Black G itu, mereka mempunyai rancangan masa hadapan.





kredit pic : megat review

Selepas meraih lapan anugerah, produk Black G terpilih mewakili Malaysia untuk produk herba yang akan dipamerkan di Expo Dubai 2021/2022 tidak lama lagi.

*Insya-Allah kami akan memulakan pasaran di negara luar seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan China dalam masa terdekat ini. Sudah tentu kami juga menyasarkan untuk menembusi pasaran benua Eropah pada masa akan datang.*



Black G Plus Liquid



Black G Capsule



### Black G Coffee Original

Menariknya, tiga produk terlaris yang dipasarkan di bawah Black G Sdn Bhd iaitu Black G Capsule, Black G Plus Liquid dan Black G Coffee Original bakal dijual di laman membeli belah dalam talian terkemuka, Shopee bermula 21 November ini.

Shopee adalah langkah pertama untuk kolaborasi ini. Banyak produk palsu dijual pada harga yang murah dan menyebabkan pihak Black G dan MARDI berhubung melalui anak guam Black G dan kemudian

membuatkan solusi ini.

*Sebagai syarikat pengasas, kami adalah pemilik jenama Black G berdasarkan nama dagang atau 'trademark' yang sudah didaftarkan. Jadi, dengan dengan cara ini segala produk lain yang tidak dijual melalui Black G Official Shopee dan Official Flagship Store, akan dikeluarkan dari platform itu. Jadi dengan cara ini ia akan menjamin pembeli mendapat produk yang asli dan harga yang ditetapkan.*

*Dan kebetulan pula saya adalah artis rasmi Shopee sejak beberapa tahun lalu. Perkara ini lebih membantu dari segi pemasaran eksklusif. Jadi pengguna boleh membeli produk Black G yang asli di Shopee di Official Flagship Store yang dipanggil Black G Nutrimea by Dynas Mokhtar.*

Syabas buat Black G dan Dynas, moga produk Black G makin dikenali dan berjaya menembusi pasaran bukan sahaja tempatan bahkan antarabangsa.



Dan korang jangan lupa untuk dapatkan produk Black G di Shopee!

Dapatkan info mengenai Black G di [Facebook Page : Black G Sdn Bhd](#)